

Headline	Keluar deposit haji Pendeposit hilang giliran		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Mar 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	6	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	124 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,068
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,205



Keluar deposit haji: Pendeposit hilang giliran

KUALA LUMPUR - Pendeposit Tabung Haji (TH) yang mengeluarkan deposit daftar haji bersama wang simpanan mereka, akan hilang giliran menunaikan haji sehingga 70 tahun, persidangan Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, peudeposit yang mengeluarkan simpanan mereka akibat percaya dengan fitnah dan tohmahan yang dilemparkan terhadap TH baru-baru ini, akan secara automatik keluar daripada giliran menunaikan haji, jika mereka mengeluarkan deposit daftar haji.

"Pendeposit perlu meletakkan deposit RM1,300 daripada wang simpanan untuk pendaftaran haji dan diberikan tarikh peruntukan haji mengikut giliran.

"Mereka juga terjejas akan ruang mendapat dividen dan bonus jika mengeluarkan semua wang simpanan mereka.

"Bila mereka mengeluarkan deposit, dia mengeluarkan dirinya daripada giliran menunaikan haji..bila mereka tarik diri dan kemudian daftar semula, dia terpaksa menunggu pula mungkin lebih daripada 70 tahun," katanya menjawab soal-

“Bila mereka mengeluarkan deposit, dia mengeluarkan dirinya daripada giliran menunaikan haji...” - Jamil Khir

an **Datuk Ahmad Hamzah (BN-Jasin).**

"Ada 8.8 juta peudeposit yang hendak menunaikan haji dan menyimpan dengan TH kerana mereka lebih selesa akan dividen simpanan yang tinggi serta sistem yang mematuhi syariah," kata Ahmad.

Beliau membangkitkan kesanan diterima TH susulan surat yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia (BNM) kepada organisasi itu, yang diputar-belit setengah pihak.

Jamil Khir berkata, penyebaran surat dari BNM melalui media menyebabkan TH dilempar dengan tuduhan-tuduhan rambang, analisis 'separuh masak' dan andaian negatif pelbagai pihak sehingga peudeposit TH jadi mangsa.

"Situasi ini juga menyebabkan imej dan reputasi TH sebagai pengurus haji dan dana Islam cemerlang di Malaysia telah tercemar akibat daripada tuduhan-tuduhan tidak berasas ini," katanya. - *Bernama*